

# 10,000 atlet sertai karnival

**Johor Bahru:** Seramai 10,000 atlet daripada 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bakal menyertai Karnival Sukan Muafakat Johor 2016.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan berkata, dua acara sampingan baru iaitu pertandingan kavadi dan larian terbuka turut diadakan.

Beliau berkata, karnival itu memberi peluang kepada masyarakat Johor memabitkan diri dalam sukan pertandingan tanpa mengira agama dan bangsa.

"Pertandingan di peringkat DUN berlangsung terlebih dulu sebelum peme-

ngang terpilih bakal bertanding di peringkat negeri pada 30 April hingga 1 Mei depan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat.

"Kerajaan negeri berharap ia menjadi medium membentuk bangsa Johor yang cergas dan aktif. Sebagai syarat, pasukan bertanding mewakili DUN masing-masing perlu memastikan atlet berumur 21 tahun dan ke atas.

"Empat acara utama diadakan iaitu futsal (lelaki terbuka), bola jaring (wanita terbuka), sepak takraw (lelaki terbuka) dan bola keranjang (lelaki terbuka)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Cek Peruntukan kepada setiap DUN sempena Sukan Muafakat Johor 2016 di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar di sini.

Zulkurnain berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM268,000 dengan setiap pentadbir 56 DUN menerima RM12,000 setiap satu untuk mengelolakan pertandingan di peringkat mereka.

"Borang penyertaan boleh dimuat turun dan pendaftaran secara talian di <http://muafakatjohor.wix.com/2016> bagi memberi kemudahan kepada orang ramai menyertainya," katanya.



ZULKURNAIN (tengah) pada majlis penyerahan cek kepada DUN, semalam.